

# ‘Kanak-kanak DIUTAMAKAN’



## DASAR JAGAAN KANAK-KANAK PULAU PINANG DAN PELAN TINDAKAN

### PENGENALAN

Pada 1 Mac 2013, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima dan Pelan Tindakan Jagaan Kanak-kanak Pulau Pinang. Ini menjadikan Pulau Pinang sebagai Kerajaan Negeri pertama di negara ini yang menetapkan strategi mempromosikan hak sejagat dan akses kepada jagaan kanak-kanak yang berpatutan, selamat dan berkualiti untuk memastikan kesejahteraan setiap kanak-kanak di negeri ini.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyedari akan keperluan untuk melindungi hak kanak-kanak seperti yang termaktub dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989 Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai dan permasalahan yang dihadapi oleh keluarga dalam jagaan anak-anak pada keadaan sosioekonomi semasa. Penyediaan jagaan kanak-kanak yang lebih baik juga akan membantu meningkatkan ekonomi Pulau Pinang dengan membolehkan peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan menggalakkan keseimbangan yang sihat antara pekerjaan dan kehidupan berkeluarga sebagai sebahagian daripada program Kerajaan Negeri untuk pembangunan yang holistik dan lestari.

### APAKAH DASAR JAGAAN KANAK-KANAK PULAU PINANG?

Dasar ini mempunyai 3 objektif dan 5 teras utama.

### 3 OBJEKTIF

**OBJEKTIF 1: Meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak melalui akses yang lebih baik kepada jagaan kanak-kanak yang berkualiti dan berpatutan**

Zaman kanak-kanak adalah paling penting dalam perkembangan individu. Melabur dalam pemeliharaan kanak-kanak sangat perlu untuk membentuk generasi masa hadapan yang mantap dan dapat memberikan sumbangan bermakna kepada pembangunan masyarakat dan ekonomi. Oleh itu, jagaan kanak-kanak bukanlah keperluan peribadi semata-mata tetapi menjadi KEBAIKAN AWAM yang memerlukan peranan aktif Kerajaan Negeri. Hal ini adalah amat penting dalam membantu mengurangkan beban yang dipikul oleh keluarga berpendapatan rendah dan membantu meningkatkan peluang hidup anak-anak mereka dan juga kanak-kanak dengan keperluan khas.

## **OBJEKTIF 2: Meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja**

Peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja penting dalam memastikan pembangunan Pulau Pinang. Walaupun penyertaan tenaga buruh wanita di Pulau Pinang pada kadar 56.5% (2010) adalah lebih tinggi daripada purata kebangsaan sebanyak 46.1%, kadar tersebut adalah jauh lebih rendah berbanding negara-negara maju (misalnya Sweden dan Denmark > 74%). Kajian menunjukkan bahawa penyediaan jagaan kanak-kanak yang lebih baik membolehkan lebih ramai wanita kekal dalam tenaga kerja selepas berkahwin dan melahirkan anak.

## **OBJEKTIF 3: Menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan berkeluarga**

Kemudahan jagaan kanak-kanak yang lebih baik akan membantu ibu bapa mencapai keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan berkeluarga, justeru itu meningkatkan kualiti hidup. Tanggapan stereotaip keluarga masyarakat, di mana lelaki dianggap sebagai pencari nafkah dan perempuan sebagai penjaga keluarga, perlu diubah. Kita perlu membuka minda kepada jenis keluarga berpendapatan dua sumber dan berperanan dwi-penjaga. Ini melibatkan perkongsian dan pengagihan semula tanggungjawab jagaan ahli keluarga: daripada ibu kepada kedua-dua ibu bapa

*Jagaan kanak-kanak bukan isu peribadi tetapi suatu isu awam, dengan implikasi sosial dan ekonomi yang amat besar.*

dalam keluarga, dan daripada keluarga kepada masyarakat. Dasar-dasar yang mesra keluarga perlu dipromosikan selaras dengan perkembangan jagaan kanak-kanak untuk memastikan keseimbangan yang lebih baik antara pekerjaan dan kehidupan berkeluarga bagi lelaki mahupun wanita.

## **5 TERAS UTAMA**

Bagi mencapai objektif-objektif tersebut, 5 teras utama telah dikenalpasti, masing-masing diiringi dengan Pelan Tindakan untuk pelaksanaan.

1. Memastikan Akses Saksama untuk Jagaan Kanak-kanak yang Selamat dan Berkualiti
2. Menambahkan Pusat-Pusat Jagaan Kanak-kanak di Tempat Kerja
3. Mendirikan Pusat-Pusat Jagaan Komuniti
4. Menambahbaikkan Penjagaan di Tempat Kediaman (Home-Based Care)
5. Membantu Perkhidmatan Jagaan Kanak-Kanak Swasta

## **APAKAH PELAN TINDAKAN JAGAAN KANAK-KANAK PULAU PINANG?**

Pelan Tindakan berikut telah dirangka.



## **1. Memastikan Akses Saksama untuk Jagaan Kanak-kanak yang Selamat dan Berkualiti**

- ▶ Menjalankan pemetaan pusat-pusat jagaan kanak-kanak untuk membantu ibu bapa mengenalpasti pusat yang bersesuaian, membantu Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk merancang dan menggalakkan penubuhan pusat-pusat jagaan di kawasan yang kurang perkhidmatan.
- ▶ Membantu memberi elauan jagaan kanak-kanak bagi keluarga-keluarga berpendapatan rendah untuk mendaftarkan anak-anak mereka di pusat-pusat jagaan yang berdaftar.
- ▶ Menyediakan latihan yang bersubsidi kepada perkhidmatan jagaan kanak-kanak untuk meningkatkan kualiti penjagaan.
- ▶ Menggalakkan pusat jagaan untuk memasukkan pendaftaran kanak-kanak dengan keperluan khas melalui kempen-kempen kesedaran, insentif dan menyediakan latihan serta bantuan yang sesuai kepada perkhidmatan pusat jagaan kanak-kanak.
- ▶ Menubuhkan pasukan Pendidikan dan Jagaan Awal Kanak-kanak (ECCE) yang terdiri daripada ahli profesional, ahli terapi dan Pelawat Rumah untuk menyokong pusat-pusat jagaan kanak-kanak dan perkhidmatan jagaan kanak-kanak di rumah.

## **2. Menambahkan Pusat-pusat Jagaan Kanak-kanak di Tempat Kerja**

- ▶ Mengkaji peraturan dan garispanduan untuk memudahkan penubuhan kemudahan jagaan kanak-kanak di tempat kerja.
- ▶ Menganjurkan pameran bergerak berdasarkan sektor dan dialog dengan majikan untuk menggalakkan penubuhan kemudahan jagaan kanak-kanak di tempat kerja.
- ▶ Memulakan kemudahan jagaan kanak-kanak yang dikongsi bersama bagi sektor perkilangan di salah satu kawasan perindustrian sebagai contoh.
- ▶ Menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak di KOMTAR.

## **3. Mendirikan Pusat-pusat Jagaan Komuniti**

- ▶ Membantu menyelenggara pusat-pusat jagaan kanak-kanak perintis di tiga komuniti berpendapatan rendah sebagai kes ujian bagi pusat jagaan yang dikendalikan oleh komuniti dan yang turut berfungsi sebagai aktiviti untuk menjana pendapatan bagi komuniti setempat.
- ▶ Menyediakan latihan, sokongan profesional dan pemantauan bagi memastikan kelestarian pusat-pusat jagaan kanak-kanak dalam komuniti.
- ▶ Mengkehendaki pemaju supaya menyediakan kemudahan jagaan kanak-kanak yang direka khas apabila memohon kelulusan perancangan skim perumahan.



#### **4. Menambahbaikkan Jagaan di Tempat Kediaman (Home-Based Care)**

- ▶ Menyediakan latihan kepada mereka yang menjalankan jagaan di rumah.
- ▶ Memperkenalkan pensijilan dan pendaftaran untuk merasionalkan dan menyusun semula sektor jagaan di rumah.
- ▶ Memberi sokongan profesional dan peningkatan kemahiran melalui pasukan Pelawat Rumah yang terlatih dalam ECCE.

#### **5. Membantu Perkhidmatan Jagaan Kanak-kanak Swasta**

- ▶ Membantu menyediakan latihan untuk meningkatkan bilangan pekhidmat jagaan kanak-kanak yang layak.
- ▶ Menganjurkan pameran bergerak dan dialog dengan operator sektor swasta untuk menggalakkan pendaftaran dan penyediaan kemudahan jagaan kanak-kanak yang lebih berpatutan dan menyeluruh (“inclusive”) (terutamanya bagi kanak-kanak dengan keperluan khas).
- ▶ Melaksanakan Garis Panduan yang dicadangkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membantu mempercepatkan pelesenan.

- ▶ Menambahbaikkan prosedur untuk membantu sektor swasta
- ▶ Menubuhkan mekanisme “online” untuk memudahkan pendaftaran dan pemantauan pusat-pusat jagaan kanak-kanak

### **INSTITUSI UNTUK MELAKSANAKAN DASAR DAN PELAN TINDAKAN**

Pelan Tindakan (2013–2016) akan dilaksanakan oleh PWDC pada tahun pertama dan selepas itu, Unit Hak dan Jagaan Kanak-kanak akan diwujudkan di bawah Kerajaan Negeri untuk mengambil alih pelaksanaan dengan kerjasama dan bantuan semua pihak berkepentingan.

*“Ukuran sebenar sesebuah negara adalah bagaimana negara tersebut memelihara kepentingan kanak-kanaknya – dari segi kesihatan mereka, keselamatan, dan keselamatan material (“material security”), pendidikan dan sosialisasi mereka, dan keperluan mereka untuk disayangi, dihargai, dan diambil kira dalam keluarga dan masyarakat di mana mereka dilahirkan.”*

– Kad Laporan Innocenti 7, 2007, UNICEF



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

#### **Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang**

Penang Women's Development Corporation (966791-W)

Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia

T +604 261 2835; 261 5261 F +604 261 2839

E info@pwdc.org.my W www.pwdc.org.my

Facebook: Penang Women's Development Corporation – PWDC